



## METAFORA DALAM PENULISAN BERITA STRATEGIK TERHADAP PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP)

*METAPHOR IN STRATEGIC NEWS WRITING ABOUT THE GOVERNMENT TRANSFORMATION PROGRAM (GTP)*

Azahar Kasim<sup>1</sup>, Mokhtarrudin Ahmad<sup>2</sup>, Azman Bidin<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pengajian Teknologi Multimedia dan Komunikasi  
College of Arts and Sciences, Universiti Utara Malaysia  
Email: w\_azahar@uum.edu.my

<sup>2</sup> Faculty of Applied Communication, Universiti Multimedia  
Email: mokhtarrudin@mmu.edu.my

<sup>3</sup> Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan  
Email: azman.bidin@gmail.com

### Article Info:

#### Article history:

Received date: 13.09.2018

Revised date: 20.09.2018

Accepted date: 03.06.2020

Published date: 10.06.2020

#### To cite this document:

Kasim, A., Ahmad, M., & Bidin, A. (2020). Metafora dalam Penulisan Berita Strategik Terhadap Program Transformasi Kerajaan (GTP). *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 3 (10), 57-69.

DOI: 10.35631/IJHPL.310006.

### Abstrak:

Bahasa dalam penulisan berita amat penting kerana ia membawa pelbagai erti dan kefahaman apabila dibaca untuk setiap anggota masyarakat. Penggunaan bahasa yang betul dan memberi makna serta mempunyai tafsiran tertentu mampu membentuk pemikiran masyarakat. Gabungan bahasa dalam penulisan berita mempunyai berpengaruh dalam membentuk sosial budaya, sumber maklumat, pendidikan, hiburan, kunci utama dalam arena komunikasi politik, penyertaan demokrasi, komunikasi nilai ideologi, norma, sifat dan kepercayaan terhadap sesuatu isu. Oleh itu, kajian ini menggunakan pendekatan Analisis Wacana Kritis (CDA) yang memberi penekanan kepada elemen Analisis Metafora Kritis (CMA) bagi meneliti penggunaan bahasa dan frasa yang dibentuk oleh wartawan dalam penulisan berita mengenai dasar kerajaan, terutama Program Transformasi Kerajaan (GTP). Data yang digunakan dalam kajian ini adalah diambil daripada tiga akhbar atas talian iaitu, akhbar Malaysiakini, Berita Harian dan Utusan Malaysia. Penggunaan metafora konsep dan metafora digunakan sepenuhnya bagi memperhalusi istilah dalam kata, frasa dan ayat-ayat yang ditulis oleh wartawan ketiga-tiga organisasi media ini. Hasil kajian mendapat wartawan secara sedar dan tidak sedar melakarkan penulisan yang mempunyai metafora dan menetapkan metafora konsep melalui pembingkaihan berita yang ditulis oleh mereka. Metafora konsep yang dibentuk jelas dipaparkan di setiap penulisan berita kerana mereka mempunyai agenda yang ditetapkan oleh organisasi media masing-masing bagi mempromosi ataupun memberi kefahaman mengenai dasar kerajaan terutama berkaitan GTP dan Bidang Keberhasilan Utama Negara

(NKRA). Gelagat dan proses mereka ini menghasilkan berita yang mempunyai maksud tersirat dengan menggunakan metafora bagi menghasilkan berita strategik. Metafora yang dihasilkan adalah berbeza tetapi koheren untuk mengesahkan GTP dan NKRA sebagai pembawa perubahan ekonomi positif kepada negara ini. Secara tersirat menunjukkan bahawa GTP dan NKRA perlu dilaksanakan jika Malaysia mahu menjadi negara maju. Ia memberi makna tersirat kerana tidak dikatakan secara langsung tetapi secara tidak langsung melalui metafora.

**Kata Kunci:**

Berita, Metafora, Media, Program Transformasi Kerajaan (GTP)

**Abstract:**

Language in news writing is very important because it brings a lot of meaning and understanding when reading to every member of society. The use of correct and meaningful language and having a certain interpretation can shape the thinking of society. Language combinations in news writing have an impact on the development of socio-cultural, informational sources, education, entertainment, key points in the arena of political communication, democratic participation, ideological value communication, norms, nature, and beliefs on an issue. Therefore, this study uses the Critical Discourse Analysis approach (CDA) which emphasizes Critical Metaphor Analysis (CMA) elements to examine the use of language and phrases formed by journalists in writing news on government policy, especially the Government Transformation Program (GTP). The data used in this study were taken from three online newspapers namely Malaysiakini newspaper, Berita Harian, and Utusan Malaysia. The use of metaphorical concepts and metaphors is fully utilized to refine terms in the words, phrases, and sentences written by journalists of these three media organizations. The findings show that journalists are aware and unconscious of writing metaphorical writing and setting the concept metaphor by framing the news they have written. The conceptualized metaphor is clearly displayed in every news writing because they have an agenda set by their respective media organizations to promote or provide understanding on government policies especially in relation to the GTP and the National Key Result Area (NKRA). Their behavior and processes produce stories that have implicit meaning by using metaphors to produce strategic news. The resulting metaphors are different but coherent to confirm the GTP and NKRA as the carriers of positive economic change to the country. Implicitly pointing out that GTP and NKRA need to be implemented if Malaysia wants to become a developed nation. It gives implied meaning because it is not said directly but indirectly through the metaphor.

**Keyword:**

News, Metaphors, Media, Government Transformation Program (GTP)

## Pengenalan

Media adalah sumber maklumat utama masyarakat dalam memahami situasi yang berlaku dalam mahupun luar negara serta juga dibebani dengan tanggungjawab untuk menegakkan dan memajukan aspek demokrasi kerana media dan dilihat sebagai pembela kepentingan awam dan pemantau dalam fungsi kerajaan. Dalam usaha menyampaikan maklumat media memberi banyak kesan kepada masyarakat dalam pelbagai cara iaitu sebagai pengaruh utama dalam sosial, berperanan dalam membawa budaya, sebagai sumber maklumat, pendidikan, hiburan, kunci utama dalam arena komunikasi politik, penyertaan demokrasi, komunikasi nilai ideologi, norma, sifat dan kepercayaan terhadap sesuatu isu. (Dennis & Merill, 1996).

Elemen paling berkuasa dalam media ialah penulisan yang tertera bidang kewartawanan jika dibandingkan dengan cabang politik atau bidang kuasa lain (Franklin, 2012). Maksud ini jelas menggambarkan bahawa akhbar akan melaksanakan peranan mereka secara maksima dalam memberitahu dan menyampaikan maklumat kepada orang ramai mengenai isu atau berita yang dianggap kritikal dan mempunyai hubungkait kepada pembangunan masyarakat. Secara umumnya, media mempengaruhi identiti dan pembentukan watak serta menentukan siapa kita termasuk isu-isu lain yang mempunyai kaitan dengan stigma, harga diri, hubungan sosial, ekonomi dan kedudukan politik, (Wimmer & Dominic, 2005).

Media juga telah menetapkan sesuatu isu dengan menggunakan teori penetapan agenda dan teori pembingkaian. Isu-isu yang mempunyai kepentingan mendapat liputan secara meluas oleh media dalam usaha mempengaruhi minda masyarakat. Bagi mempengaruhi minda masyarakat gaya penulisan menjadi tunjang utama dalam usaha memberi kefahaman kepada masyarakat. Gaya penulisan yang bermotifkan makna tersirat dilaksanakan dalam organisasi media bagi mencapai matlamat kelompok tertentu. Teknik-teknik penyampaian berita secara strategik sangat diperlukan untuk mempengaruhi semua aspek sama ada politik, ekonomi, sosial maupun dasar kerajaan.

### **Media dan Berita Strategik**

Maksl, Ashley, dan Craft (2015) mengatakan berita strategik yang dibuat itu menyebabkan individu itu berfikir secara lebih mendalam sehingga menyebabkan berlakunya beberapa kesan kepada pemikiran mereka. Usaha memberi kefahaman dan membentuk idea serta mengawal masyarakat amat penting kerana agenda media tidak akan berkesan dan mempunyai impak tinggi jika ianya gagal mempengaruhi masyarakat.

Namun begitu, tidak dinafikan media dan kerajaan saling bergantungan antara satu sama lain untuk mencapai hasrat rakyat. Hubungan media dan kerajaan adalah gejala yang membantu arah pembinaan negara. Dengan itu, dasar yang dibentuk oleh sesebuah negara dengan kerjasama penglibatan media. Kerajaan mengakui mengharapkan media kekal sebagai rakan kongsi untuk menghebahkan dasar-dasar kerajaan kepada rakyat, tetapi kerjasama itu hendaklah dilakukan dalam suasana saling hormat menghormati antara satu sama lain. Dalam masa yang sama, apabila sesebuah kerajaan bersifat demokrasi, potensi media untuk menjadi berat sebelah dan memasuki pasaran media swasta adalah besar (Gehlbach & Sonin, 2014). Malahan, transformasi kerajaan boleh difahami dengan dua cara iaitu transformasi dalam dan transformasi antara kerajaan, masyarakat sosial dan pemain politik (Reyes, 2014).

Dengan demikian tidak hairanlah, media adalah sebahagian daripada kehidupan rakyat. Media juga menyediakan ruang kepada rakyat dan membuka peluang kepada rakyat bagi membentuk sebuah komuniti politik (Nerone, 2009). Kehadiran media disusuli dengan keperluan kewujudan akhbar, kerana ia sangat penting berikutan akhbar memberi liputan yang lebih mendalam dan lengkap yang dapat mempengaruhi pembuat dasar (Walgrave, Soroka, & Nuytemans, 2007).

Capella dan Jamieson (1997) menyatakan berita strategik menekankan beberapa taktik yang digunakan oleh ahli politik dalam mencapai matlamat serta persembahan mereka, gaya berkempen, dan persaingan di arena politik sama ada di pejabat atau di luar pejabat tanpa mengira kedudukan semasa pilihan raya dilakukan. Berita strategik menekankan taktik yang diguna pakai oleh ahli-ahli politik untuk mencapai matlamat politik, persembahan mereka, gaya berkempen dan pertempuran dalam arena politik, sama ada di pejabat, pembangkang atau semasa pilihan raya. Berita yang mendapat liputan meluas dianggap sebagai kejayaan sesebuah

organisasi politik hasil hubungan baik dengan pihak media yang memberi gambaran kepada masyarakat bahawa arena politik hari ini telah melakukan transformasi yang dilihat lebih moden dan professional dalam mentadbir, membuat dasar serta kempen-kempen yang dilakukan adalah bersesuaian dengan perubahan dunia media yang mampu meningkatkan mutu arena politik.

### **Media dan Bahasa**

Kepakaran dan kemahiran yang diperolehi oleh wartawan menyebabkan mereka mampu menulis dengan baik dalam beberapa isu termasuk politik, ekonomi dan sosial. Mereka mampu menulis berita apabila memperolehi sumber yang dilengkap dan mempunyai kemahiran menulis. Reich dan Hanitzsch (2013), menyatakan persepsi wartawan subjektif kepada aspek politik, organisasi, prosedur, profesional dan pengaruh kumpulan rujukan terbukti menjadi kuasa kuat kepada amalan autonomi profesionalisme wartawan. Pengalaman profesional itu membolehkan mereka melaksanakan teknik pemberitaan secara berita strategik (*strategic news*) dalam penulisan mereka dalam semua aspek termasuk politik, ekonomi dan sosial.

Oleh itu, dalam setiap penulisan sesuatu berita ia haruslah menitik beratkan aspek penggunaan bahasa membabitkan kata, frasa dan ayat-ayat dalam usaha menyampaikan maklumat. Kata, frasa dan ayat-ayat yang digunakan dalam setiap penulisan berita haruslah mudah difahami oleh pembaca. Hal ini demikian kerana, penggunaan bahasa dan ayat-ayat mencerminkan penulisan sesuatu berita. Kress (1990), berpendapat bahawa, perubahan yang melanda semua bahasa di seluruh dunia sangat pantas dan eksklusif sifatnya. Fairclough (1989: 2) menegaskan bahawa dalam masyarakat moden, pelaksanaan kuasa (*exercise of power*) semakin meningkat dicapai melalui ideologi, dan secara khusus lebih melalui bahasa. Dengan kata lain, melalui bahasa manusia boleh mentadbir dan memimpin organisasi, masyarakat, dan negara, mengelakkan atau menyebabkan perpeperangan, menghukum, bekerjasama, menghasilkan ciptaan dan barang, dan sebagainya. Malah menurut Fairclough (1989) lagi, bahasa boleh menyumbang kepada dominasi terhadap orang lain oleh sesetengah pihak. Pike (1971) pula berpendapat bahasa boleh dilihat sebagai tindakan – sebagai suatu bentuk tingkah laku. Oleh kerana penggunaan bahasa amat penting dalam berkomunikasi antara media dan rakyat menyebabkan kajian ini akan melihat mengenai penggunaan kata, frasa dan ayat yang digunakan oleh organisasi media dalam menghasilkan berita strategik.

### **Sorotan Karya**

Metafora digunakan oleh akhbar di Malaysia dan penggunaannya adalah untuk menambahkan kreativiti dalam penulisan berita walaupun mereka tidak sedar penggunaannya bagi menyedapkan apa yang ditulis (Faridah & Emma, 2005). Dalam pada itu, Tengku Farah (2012) mengkaji metafora ekonomi dalam media cetak, dan Imran dan Ruzy Suliza (2009) mengkaji ekonomi dan politik metafora dalam media elektronik. Kelly (2001) dalam kajiannya ucapan oleh bekas Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad semasa krisis kewangan Asia. Selain itu, Kumaran (2013) memfokuskan kajian pilihan metafora Perdana Menteri Malaysia dalam mengkonsepsitualisasikan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dengan membuat kajian teks ucapan Datuk Seri Najib Tun Razak. Dengan meletakkan metafora konsep ETP Satu Perjalanan, ETP Satu Kenderaan, ETP Sebagai Kilang dan Peningkatan Adalah Baik mampu menjadi strategi kerajaan untuk mempengaruhi rakyat dalam perancangan ekonomi mereka.

Selain itu, metafora membantu memudahkan konsep dalam domain politik yang kompleks (Mio, 1997); Semino, 2008). Charteris-Black (2004) mengesahkan ini dalam kajiannya metafora dalam ucapan Presiden Amerika dan manifesto pilihan raya Inggeris. Beliau berpendapat bahawa metafora dapat menyampaikan ideologi tertentu (Charteris, 2004).

Metafora boleh memisahkan peserta mengenai sesuatu topik (Wee, 2001) atau bersatu peserta mengenai topik (Lu & Ahrens, 2008; Vengadasamy, 2011). Manakala kajian, Charteris (2004), Kelly (2001) dan Koteyko, Brown dan Crawford (2008) menunjukkan bahawa topik boleh dikonseptualisasikan menggunakan pelbagai metafora. Begitu juga, Batstone (2000) mendapati dua metafora untuk dikonseptualisasikan atas nama universiti seperti Universiti Adalah Komuniti dan Universiti Adalah Perniagaan yang mana universiti adalah hak masyarakat dan tujuannya bukan untuk mengaut keuntungan. Metafora ini tidak membayangkan peranan yang bertentangan, seperti Tuntutan Batstone (2000). Sebuah universiti adalah domain sasaran kompleks, dan pelbagai metafora boleh mentafsir banyak makna bagi pihak yang berlainan (Ritchie, 2002). Mungkin beberapa metafora mensasarkan pembaca tertentu (Henderson, 2000) atau pembaca bukan pakar. Skorczynska dan Deignan (2006) menyatakan bahawa penulisan perniagaan yang popular menggunakan lebih banyak metafora daripada penulisan perniagaan saintifik mengimbangi kurangnya pengetahuan disiplin pembaca.

Seperti yang dicadangkan oleh penyelidikan, metafora menyediakan rangka kognitif yang menjadi panduan pemahaman tentang topik (Charteris, 2004). Metafora penting dalam usaha memujuk orang untuk menggunakan perspektif tertentu kerana ia boleh menekankan atau menonjolkan aspek tertentu topik (Lakoff & Johnson, 2003). Terdapat banyak penyelidikan mengkaji peranan metafora dalam ekonomi dan politik tetapi tidak fokus kepada nama individu tertentu, kecuali Charteris-Black (2004), Kelly (2001) dan Wee (2001). Artikel ini bertujuan untuk memperluaskan analisis Kelly (2001) dan Wee (2001) kepada kajian penulisan berita yang ditulis oleh wartawan dan pengarang mengenai Program Transformasi Kerajaan, terutama aspek kata, frasa dan ayat-ayat yang digunakan oleh mereka dalam ketiga-tiga akhbar atas talian Berita Harian, Malaysiakini dan Utusan Malaysia.

## **Metodologi**

### **Data**

Untuk mengkaji metafora GTP dan NKRA, beberapa teks berita Perdana Menteri, Menteri dan Pegawai Kanan Kerajaan adalah dipilih. GTP dimulakan ketika tempoh Dato Seri Najib Razak sebagai Perdana Menteri. Sebagai ketua kerajaan, Perdana Menteri mewakili pandangan kerajaan mengenai GTP. Harus diingat bahawa dia sebenarnya tidak menulis teks-teks ini sebaliknya adalah wartawan yang melaporkan berita selepas diperkatakan oleh Perdana Menteri, Menteri dan Pegawai Kanan Kerajaan dalam pelbagai bentuk saluran media seperti sidang akhbar dan ucapan. Walau bagaimanapun, kandungannya mencerminkan pandangannya. Perdana Menteri boleh mengawal kandungan teks ini kerana dia menyampaikannya pada acara awam. Penulis sebenar (wartawan) mungkin tidak penting, kerana teks-teks ini dianggap sebagai komunikasi yang sahih dan berwibawa mengenai GTP dan NKRA daripada Perdana Menteri kepada rakyat Malaysia. Teks itu mesti memenuhi keperluan orang ramai daripada pelbagai latar belakang pengetahuan kerana pembaca terdiri daripada hampir semua rakyat Malaysia, termasuk orang yang mendengar ucapan Perdana Menteri dan orang ramai membaca teks yang diterbitkan dan bentuk berita. Teks diambil daripada 21 berita daripada jumlah keseluruhan sebanyak 221 berita yang disiarkan dalam tiga akhbar atas talian, Malaysiakini, Berita Harian dan Utusan Malaysia bermula dari tahun 2010 hingga tahun 2014. Teks bahasa Inggeris dikecualikan kerana kajian terhadap akhbar berbahasa Melayu.

### **Kaedah Kajian**

Kaedah kajian bermula dengan teks GTP dianalisis melalui bacaan secara dekat berkali-kali sebagai satu cara kaedah analisis CMA (Charteris, 2004). Melalui CMA, metafora yang lebih

tepat dan kuat dipilih berbanding dengan metafora lain (Charteris, 2004). Dua konsep penting dalam memahami analisis dan perbincangan ialah metafora dan metafora konsep. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan huruf italik untuk menunjukkan metafora dan huruf besar untuk menunjukkan metafora konsep seperti yang dilakukan oleh Charteris, 2004), (Kövecses, 2010). Metafora adalah linguistik perwakilan (bahasa perwakilan) yang domain berubah daripada satu, di mana ia dijangka menjadi domain dalam keadaan tidak jangka, menyebabkan ketegangan semantik (perubahan makna kata) (Charteris, 2004). Harus ada domain sumber yang dipetakkan ke domain sasaran (Lakoff & Johnson, 2003). Sebagai contoh, **ETP SATU KENDERAAN** sebagai metafora konsep dan metafora ialah *enjin pertumbuhan negara*. Contoh lain, **ETP SATU PERJALANAN** sebagai metafora konsep dan *perhatian yang memberangsangkan* sebagai metafora (Kumaran, 2013). Ada kemungkinan metafora ini mungkin tidak berkaitan, tetapi sebenarnya mereka berkongsi konsep yang sama. Metafora konseptual adalah kumpulan metafora yang menunjukkan mereka hubungan ontologi, menyelesaikan ketegangan semantik di kalangan mereka (Charteris, 2004). Sebagai contoh, metafora di atas tergolong dalam metafora konsep **ETP SATU PERJALANAN**. Ini menunjukkan penggunaan metafora ini berkongsi retorik bahasa bahawa perjalanan ETP masih jauh tetapi ia mesti dilakukan demi negara.

### **Lakaran Penyelidikan**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian ini berasaskan kepada genre, wacana dan gaya penulisan yang dihasilkan oleh wartawan dan disemak oleh pengarang sebelum disiarkan. CDA adalah satu pendekatan dalam kajian yang merujuk kepada aspek bahasa sebagai satu bentuk amalan sosial. Analisis perbincangan kritikal adalah satu kaedah yang membolehkan berlakunya penilaian terhadap bahasa yang diguna pakai bagi tujuan penerangan atau menggambarkan sesuatu perkara. Namun, terdapat beberapa percambahan syarat dalam analisis perbincangan kritikal yang mencerminkan pelbagai pengaruh dalam pembangunan metodologi. Menurut Fairclough (2003) terdapat tiga ciri perbincangan yang dibawa dalam CDA iaitu merangkumi aspek genre, wacana atau cara penyampaian serta gaya penulisan yang menjelaskan proses dalam kehidupan sosial. Oleh yang demikian, kajian ini bermula dengan mencari kata kunci Program Transformasi Kerajaan (GTP) bagi mendapatkan bahan daripada 221 berita yang dipaparkan dalam tiga akhbar atas talian, MalaysiaKini, Berita Harian dan Utusan Malaysia bermula dari tahun 2010 hingga tahun 2014. Bagaimanapun hanya 21 berita sahaja dipilih secara rawak bagi menghasilkan Analisis Wacana Metafora (*Critical Metaphor Analysis*). Perbincangan kajian ini menetapkan kata nama GTP dan NKRA adalah metafora konsep dan kata sifat sebagai metafora bagi menjelaskan peranan bahasa, istilah dan frasa yang disiarkan dalam ketiga-tiga akhbar ini. Huruf besar digunakan untuk menggambarkan metafora konsep dan huruf kecil dan cendong digunakan sebagai metafora. Bagi menganalisis teks, pendekatan yang dicadangkan oleh Charteris (2004) diambil kira, digabungkan dengan pandangan daripada Lu dan Ahrens (2008), Maalej (2007) dan Pragglejaz (2007). Di bawah pendekatan ini, teks-teks mesti dibaca beberapa kali kerana bacaan pertama tidak boleh mendedahkan semua metafora (Maalej, 2007). Setiap bacaan akan menyediakan metafora yang dikenal pasti melalui kata-kata atau frasa metafora dipanggil kata kunci (Charteris, 2004).

### **Analisis dan Perbincangan Dapatan Kajian**

#### **GTP Satu Perjalanan**

Konsep metafora dalam berita ini ialah PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP). Ia adalah program yang disusun oleh kerajaan sebagai satu dasar dibawah kendalian PEMANDU bagi membolehkan mantan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak melaksanakan program bagi membantu rakyat Malaysia. GTP disokong oleh tujuh Bidang

Keberhasilan Utama Negara (NKRA) sebagai sayap pelaksanaan dasar kerajaan ini. GTP dan NKRA digunakan sebagai kata nama (metafora konsep) bagi mencari kata sifat (metafora) bagi menjelaskan pengertian perlaksanaan dalam frasa yang ditulis oleh wartawan mengenai dasar kerajaan ini.

Contoh teks 1: Najib berkata kerajaan telah menggariskan agenda kerajaan berpaksikan kepada pelbagai inisiatif seperti **PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP)**, Model Baru Ekonomi (MBE) dan Inisiatif Penyelidikan Strategik (SRI), dan agensi *kerajaan perlu menterjemahkannya supaya agenda kerajaan itu dapat dicapai*. Perdana Menteri berkata peranan penjawat awam adalah penting dalam melakukan percambahan fikiran supaya dapat *mencetuskan idea yang baik dan beras*. Beliau berkata mereka juga perlu membuat perancangan yang rapi serta membuat keputusan atau mengambil tindakan yang tepat. (*Malaysiakini-Disember 2010*)

Contoh teks 2: "Saya yakin bahawa kepimpinan kita mempunyai perancangan untuk membawa negara ke satu tahap yang lebih jelas seperti melalui **PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP)**. Kita mahu rakyat sedar bahwa *kerajaan sedang membawa pembangunan dan kemajuan kepada masyarakat*," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Konvokesyen Kolej Poly-Tech Mara Ke-27 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. (*Utusan Malaysia – November 2010*)

Contoh teks 3: "Ia adalah peningkatan yang baik, kami percaya ia mungkin kerana ETP (Pelan Transformasi Ekonomi), **GTP (PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN)**, dan NKRA (Bidang Utama Keberhasilan Negara). *"Usaha yang dijalankan PEMANDU (Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan), SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) membawa hasil... memang ada beberapa isu, tetapi ia berhasil. "Penghargaan wajar diberikan kepada kerajaan yang melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membanteras kegiatan rasuah.* Kami berharap akan terus ada perkembangan pada tahun-tahun akan datang. (*Berita Harian- Disember 2012*)

Contoh teks 4: "Ia dirangka berdasarkan pandangan strategi meluas melangkaui **2012** bagi memastikan matlamat **GTP** untuk *merubah landskap sosio budaya ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang 2020*," katanya. (*Berita Harian – Julai 2012*)

Dalam contoh teks 1 dan teks 2 yang disiarkan oleh MalaysiaKini dan Utusan Malaysia menjelaskan peranan GTP pada tahun 2010 sebagai proses awal memperkenalkan dasar itu kepada rakyat oleh kerajaan pimpinan Najib Tun Razak mantan Perdana Menteri. Kata sifat jelas digunakan bagi menyakinkan rakyat dengan wartawan menggunakan frasa seperti ini "*kerajaan perlu menterjemahkannya supaya agenda kerajaan itu dapat dicapai*," dan ditokok tambah dengan penggunaan frasa ini dalam berita yang sama, "*mencetuskan idea yang baik dan beras*." Penekanan diberikan bagi mendapat kepercayaan rakyat mengenai dasar yang bakal dilaksanakan oleh kerajaan. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam contoh teks 2 apabila dipaparkan frasa "*kerajaan sedang membawa pembangunan dan kemajuan kepada masyarakat*." Kerajaan pimpinan Najib Tun Razak mempunyai kesangsian pada awalnya sepertimana disiarkan dalam Berita Harian. Bagaimanapun dalam tahun 2012 selepas dua tahun pelaksanaan didapati GTP dan NKRA mula membawa hasil apabila dapat dilihat melalui contoh teks 3, "*Usaha yang dijalankan...membawa hasil...memang ada beberapa isu, tetapi ia berhasil. "Penghargaan wajar diberikan kepada kerajaan yang melaksanakan pelbagai inisiatif*," dan *berharap akan terus ada perkembangan pada tahun-tahun akan datang*. Keyakinan ini dinyatakan dalam frasa yang disiarkan oleh akhbar yang sama

“merubah landskap sosio budaya ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang 2020,”

### **NKRA Perang Jenayah**

Mengenai paparan berita dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) mengurangkan jenayah sebagai kata nama dan kata sifat jelas dalam setiap penulisan wartawan apabila istilah dan frasa tertentu digunakan oleh wartawan tiga akhbar atas talian adalah seperti berikut:

Contoh teks 1: Sehubungan itu, dalam satu kenyataan hari ini, sambil *menyenaraikan 11 kes jenayah* sepanjang tahun ini, Nasrudin berkata pencapaian **NKRA dilihat sangat tidak meyakinkan.** "Malah **negara masih subur dengan elemen-elemen yang mempunyai potensi besar untuk mendorong berlakunya satu-satu jenayah.** (*MalaysiaKini - Julai 2010*)

Contoh teks 2: "Ia termasuk Program Transformasi Kerajaan (GTP) serta **BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NEGARA (NKRA) MENGURANGKAN JENAYAH** yang *terbukti membawa manfaat yang besar kepada rakyat dan negara,*" katanya. (*MalaysiaKini – Ogos 2011*)

Contoh teks 3: **BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NEGARA (NKRA)** berkaitan dengan *menangani jenayah jalanan telah dilaksanakan dengan baik apabila kadar jenayah ini telah berjaya dikurangkan pada kadar yang terendah.* Ini secara tidak langsung telah memberi kesan positif terhadap nama negara apabila *Malaysia diiktiraf oleh World Justice Project sebagai negara yang paling selamat* di kalangan 19 buah negara berpendapatan sederhana tinggi di dunia. Pengiktirafan ini membantu melonjakkan ekonomi Malaysia. Sebagai antara elemen terpenting dalam merancakkan aktiviti ekonomi negara, kestabilan dan *keamanan negara tidak boleh sama sekali dipinggirkan.* (*Utusan Malaysia – Julai 2012*).

Contoh teks 4: Usaha **MENGURANGKAN KADAR JENAYAH DI BAWAH GTP**, kata beliau, juga telah menunjukkan pencapaian yang amat membanggakan dengan kadar jenayah secara keseluruhannya berjaya diturunkan sebanyak 39 peratus. Bagi jenayah jalanan pula, katanya, *kerajaan telah berjaya mengurangkan kadarnya sebanyak 11.1 peratus.* (*MalaysiaKini – April 2012*)

Bagi NKRA mengurangkan kadar jenayah, pada awalnya pelbagai pihak mempunyai persepsi dan sentimen bahawa usaha mengurangkan jenayah gagal dilaksanakan dengan baik dan sempurna kerana banyak halangan dalam sistem sosial negara. Ini terbukti apabila frasa dalam contoh teks 1 yang ditulis oleh wartawan Malaysiakini seperti “*dilihat sangat tidak meyakinkan,*” dan “*negara masih subur dengan elemen-elemen yang mempunyai potensi besar untuk mendorong berlakunya satu-satu jenayah,*” Penulisan berita ini disiarkan pada tahun Julai 2010 bermulanya perlaksanaan dasar GTP dalam negara. Ketakutan itu semakin berkurangan apabila akhbar yang sama menyiarkan berita NKRA mengurangkan jenayah membawa kejayaan yang besar pada Ogos tahun 2011 sebagaimana contoh teks 2, “*NKRA mengurangkan jenayah yang terbukti membawa manfaat yang besar kepada rakyat dan negara,*”. Penekanan itu ditambah oleh Utusan Malaysia seperti “*menangani jenayah jalanan telah dilaksanakan dengan baik apabila kadar jenayah ini telah berjaya dikurangkan pada kadar yang terendah,*” dan “*Malaysia diiktiraf oleh World Justice Project sebagai negara yang paling selamat,*” Frasa lain dalam Utusan Malaysia ialah “*keamanan negara tidak boleh sama sekali dipinggirkan* dan wartawan Malaysiakini mengambarkan kerajaan sudah berjaya apabila menyatakan “*kerajaan telah berjaya mengurangkan kadarnya sebanyak 11.1 peratus.*

### **NKRA Rasuah Satu Jenayah**

Usaha memerangi rasuah mendapat perhatian besar dalam GTP dan NKRA. Ini kerana usaha ini mampu menaikkan nama kerajaan dan kerjaya politik Perdana Menteri. Tumpuan sangat diberikan oleh mantan Perdana Menteri Najib Tun Razak. Berikut antara contoh teks;

Contoh teks 1: **Pelbagai usaha kerajaan untuk menangani gejala rasuah** menunjukkan kemajuan sekalipun ia tidak dicerminkan dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Transparency International (TI), kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Idris Jala. Beliau yang mengulas kedudukan Malaysia yang kekal pada tangga ke-56 daripada 178 negara, juga berkata walaupun markah yang diperolehi Malaysia tidak boleh dibanggakan, namun ia juga tidak perlu dilihat sebagai perkembangan negatif. "Walaupun ada kemerosotan sebanyak 0.1 mata berbanding tahun lepas pada 4.5, ini mencerminkan bentuk CPI itu sendiri, bukan kerana tidak ada kemajuan dalam **BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NEGARA (NKRA) MENERUSI PROGRAM TRANSFORMASI KERAJAAN (GTP) DALAM MEMBANTERAS RASUAH,**" katanya dalam kenyataan kepada Bernama hari ini. (*MalaysiaKini – April 2010*)

Contoh teks 2: **kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk menangani isu rasuah**, antaranya pembentukan 18 buah mahkamah khas rasuah dan pindaan Kanun Tatacara Jenayah bagi memastikan kes rasuah dibicarakan dengan cepat. **Kerajaan juga melaksanakan langkah 'menamakan dan memalukan pesalah' menerusi pangkalan data pesalah rasuah di laman web Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).** (Berita Harian – Oktober 2010)

Contoh teks 3: Seperti ditegaskan Pengarah Bahagian Pemantauan dan Penyelarasian **BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NEGARA (NKRA) RASUAH**, Datuk Hisham Nordin, **rasuah tidak boleh dinilai dengan statistik.** "Jika Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak tangkap orang, kita dikatakan tidak buat kerja sedangkan keadaan itu mungkin berlaku kerana gejala rasuah tidak ada atau sudah menurun. "Manakala, jika tangkapan tinggi pula dilihat sebagai gejala rasuah semakin serius sedangkan pada masa sama ia boleh dinilai sebagai keberkesanan dan kecekapan anggota SPRM memerangi rasuah," katanya kepada Utusan Malaysia baru-baru ini. (*Utusan Malaysia – Ogos 2010*)

Contoh teks 4: Najib berkata, melalui **BIDANG KEBERHASILAN UTAMA NEGARA (NKRA) MEMBANTERAS RASUAH**, antara yang dilaksanakan **kerajaan ialah mewujudkan Unit Pematuhan yang akan memantau perilaku pegawai dalam agensi penguatkuasaan utama iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan SPRM.** (*Berita Harian – April 2014*)

Pada tahun 2010 di awal pelaksanaan GTP dan NKRA, pihak kerajaan melalui Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Idris Jala menyatakan "Pelbagai usaha kerajaan untuk menangani gejala rasuah, seperti disiarkan MalaysiaKini. Berita Harian menggunakan frasa "kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk menangani isu rasuah," dan "Kerajaan juga melaksanakan langkah 'menamakan dan memalukan pesalah' menerusi pangkalan data pesalah rasuah di laman web Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Kedua-dua akhbar ini gigih memaparkan kata sifat bagi menjelaskan kepada rakyat mengenai usaha kerajaan menangani isu rasuah. Bagaimanapun, frasa "rasuah tidak boleh dinilai dengan statistik dinyatakan oleh SPRM menguatkan lagi bahawa usaha sedang dijalankan. Perbincangan isu rasuah diberi tumpuan oleh ketiga-tiga akhbar dalam memberi kefahaman kepada rakyat sehingga frasa ini terbentuk "kerajaan ialah mewujudkan Unit Pematuhan

*yang akan memantau perilaku pegawai dalam agensi penguatkuasaan utama iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan SPRM iaitu kenyataan Najib Tun Razak yang disiarkan dalam Utusan Malaysia pada tahun 2014.*

### **Peranan Analisis Wacana Kritis (CMA)**

Semua teks yang dipaparkan mewarisi dan menggunakan semua metafora daripada 12 contoh teks yang disiarkan oleh ketiga-tiga akhbar mewujudkan satu perhubungan metafora intertextual di antara mereka (Kövecses, 2010)), kerana semua teks menyampaikan idea yang sama mengenai GTP dan tiga NKRA. Walau bagaimanapun, teks dalam Malaysiakini lebih cenderung mengkritik dengan lebih banyak menggunakan metafora bagi membangkitkan rasa kesangsian dan ketidaktentuan dasar kerajaan ini, walaupun pada masa yang sama menyokong. Metafora hadir dalam semua teks yang ditulis oleh wartawan kerana GTP dan NKRA baru dimulakan dalam tahun 2010 kerana tiada siapa yang tahu mengenainya menyebabkan Perdana, Menteri dan Pegawai Kanan Kerajaan terpaksa mengkonseptualisasikan GTP dan NKRA untuk rakyat dengan menggunakan metafora bagi menjelaskan manfaatnya. Dalam teks mengenai GTP daripada teks 1 hingga 4, metafora didapati kebanyakannya dalam aspek pengenalan dan jangkaan program ini apabila dilaksanakan dan kesimpulan hasil program ini. Teks kebanyakannya menggunakan bahasa literal, berdasarkan makna sebenar atau makna biasa yang digunakan bukan makna kiasan atau makna yang tersirat. Ini kerana GTP dan NKRA baru dilaksana tetapi di pertengahan perjalanan berlaku keputusan atau hasil yang dilaporkan berdasarkan teks itu. Ini menggambarkan bahawa metafora memberikan pandangan holistik dari kemajuan GTP dan NKRA, sedangkan bahasa literal memberikan butiran khusus dan ketara kemajuan ini. GTP dan NKRA adalah tidak bersifat peribadi, yang terdiri daripada fakta dan angka yang ditonton oleh pembaca yang mungkin tidak faham. Pembaca teks adalah rakyat Malaysia pada umumnya demografi yang luas. Metafora adalah cara menjelaskan GTP dan NKRA kepada mereka, menggunakan domain sumber biasa dan konkret seperti GTP Satu Perjalan, NKRA Perang Jenayah dan NKRA Rasuah Satu Jenayah sebagai hala tuju kerajaan yang perlu diketahui dan menyentuh sanubari setiap orang dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Metafora ini tidak novel (Lakoff & Johnson, 2003), tetapi menjadi berbeza apabila menggunakan domain biasa bagi menggambarkan GTP dan NKRA. Pilihan metafora Perdana Menteri, Menteri dan Pegawai Kanan Kerajaan adalah baik untuk membolehkan dasar kerajaan itu mudah difahami, menggunakan skema dengan mudah dan tersedia untuk pembaca. (Henderson (2000). Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad kerap menggunakan slogan untuk membuat dasar utama boleh difahami (Ooi, 2006). Mungkin Najib Razak lebih suka metafora kepada slogan, walaupun hipotesis itu memerlukan lebih banyak penyelidikan. Pilihan metafora mantan Perdana Menteri dapat menyampaikan ideologi (Charteris, 2004). Ideologi terdiri daripada kepercayaan, idea dan nilai kehidupan sosial (Eagleton, 2007). Dalam metafora, kata, frasa dan ayat-ayat, biasanya yang bekerja dalam domain perang digunakan dalam domain pemilihan. Metafora ini mungkin tidak berkaitan, tetapi sebenarnya berkongsi konsep metafora yang sama. Metafora konseptual adalah kumpulan metafora yang menunjukkan hubungan ontologi, menyelesaikan ketegangan semantik dalam kalangan mereka (Charteris, 2004). GTP Satu Perjalan, NKRA Perang Jenayah dan NKRA Rasuah Satu Jenayah berkongsi tahap abstraksi atau kunci konseptual (Charteris, 2004). Permulaan yang bagus bagi membentuk pemikiran bagi memberitahu rakyat melalui penerangan dasar kerajaan yang kompleks dengan menggunakan berkongsi maklumat yang dalam perancangan, kejayaan yang bakal dicapai dan hasilnya yang bakal dinikmati. Begitu juga idea utama Perdana Menteri dalam metafora adalah bahawa GTP dan NKRA di bawah pengurusan kerajaan, bakal mengubah Malaysia dari negara sedang membangun, pada masa sekarang, ke negara maju,

pada masa akan datang. Kepercayaan ini memperoleh nilai positif kerana menjadi negara maju dikaitkan dengan peningkatan kualiti hidup.

### Kesimpulan

Sasaran domain sangat kompleks (Ritchie, 2002) daripada GTP dan NKRA melibatkan pelbagai metafora. Teks Perdana Menteri, Menteri dan Pegawai Kanan Kerajaan mendedahkan bahawa metafora seperti GTP Satu Perjalanan, NKRA Perang Jenayah dan NKRA Rasuah Satu Jenayah digunakan untuk sebagai metafora konsep. Metafora ini adalah berbeza tetapi koheren dalam mengesahkan GTP dan NKRA sebagai pembawa perubahan ekonomi positif kepada negara ini. Secara tersirat menunjukkan bahawa GTP dan NKRA perlu dilaksanakan jika Malaysia mahu menjadi negara maju. Ia memberi makna tersirat kerana tidak dikatakan secara langsung tetapi secara tidak langsung, melalui metafora. Ini selaras dengan pandangan, Reich dan Hanitzsch, (2013), menyatakan persepsi wartawan subjektif kepada aspek politik, organisasi, prosedur, profesional dan pengaruh kumpulan rujukan terbukti menjadi kuasa kuat kepada amalan autonomi profesionalisme wartawan. Pengalaman profesional itu membolehkan mereka melaksanakan teknik pemberitaan secara berita strategik (*strategic news*) dalam penulisan mereka dalam semua aspek termasuk politik, ekonomi dan sosial. Selain itu, dengan penggunaan GTP Satu Perjalanan sebagai metafora konsep bagi menjelaskan dasar kerajaan yang baru dilaksanakan dilihat mampu mengekalkan hubungan kuasa antara kerajaan dan rakyat. Teras percakapan menjelaskan peranan semulajadi kerajaan dalam mengurus negara bagi membolehkan rakyat yang dijangka mengikut kerajaan. Penggunaan metafora ini boleh membentuk struktur persepsi (Lakoff & Johnson, 2003), akhirnya ia memberi komitmen Barisan Nasional untuk membangunkan negara. Pembaca kritikal mungkin dapat mentafsirkan metafora ini, walaupun ini memerlukan latihan. Analisis Wacana Kritis (CMA) boleh menjadi alat pedagogi yang berguna. Seterusnya, adalah berbaloi untuk mengkaji sama ada Perdana Menteri konsisten dalam pilihan metafora beliau dalam teks lain, analisis yang boleh diperluaskan kepada ahli politik Barisan Nasional dan Pakatan Rakyat. Media menyediakan teks boleh diperiksa untuk metafora dan media ingin mencapai lebih ramai pembaca. Teks dalam media sangat penting kerana media cetak sangat penting kepada Barisan Nasional, sementara media digital adalah milik Pakatan Rakyat (Abbott, 2004).

### Rujukan

- Abbott, J.P. (2011). Electoral authoritarianism and the print media in Malaysia: Measuring political bias and analyzing its cause. *Asian Affairs* 38(1): 1–38. \_\_\_\_\_ . The Internet, reformasi and democratisation in Malaysia. In *The state of Malaysia*, ed. E. T.
- Batstone, K. (2000). "One's terms defy one's arguments": The metaphoric framing of "UNIVERSITY AS COMMUNITY" and "UNIVERSITY AS BUSINESS" in the second report of the task force on strategic planning at the University of Manitoba. *Metaphor and Symbol* 15(4): 241–251.
- Charteris-Black, J. (2006). Britain as a container: Immigration metaphors in the 2005 election campaign. *Discourse and Society* 17(5): 563–581. \_\_\_\_\_ .
- Capella, J., & Jamieson, K.H(1997: 111). *Spiral Of Cynicism: The Press and The Public Good*. New York: Oxford University Press.
- Dennis, E. E. dan Merill, J. C., (1996). *Media Debates: Issues in Mass communication*. New York: Longman
- Eagleton, T. (2007). *Ideology*. London: Verso
- Faridah Ibrahim and Emma Mirza Wati Mohamad. (2005). War heroes, terrorists, freedom fighters, and fragile economy: From metaphors to "WMDs". *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 21: 12

- Franklin, B. (2012). The Future of Journalism. *Journalism Studies*, 15(5), 481–499.  
<http://doi.org/10.1080/14616701003722444>
- Fairclough, N. (1989). *Language and Power*. London: Longman.
- Gehlbach, S. & K. Sonin, (2014). Government control of the media, *Journal of Public Economics*. Volume 118, October 2014, Pages 163-171
- Henderson, W. (2000). Metaphor, economics and ESP: Some comments. *English for Specific Purposes* 19: 167–173.
- H. Saw and K. Kesavapany, (2012) Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Performance Management and Delivery Unit (PEMANDU). 47–72 About PEMANDU.  
<http://www.pemandu.gov.my/about.aspx/>
- Imran Ho-Abdullah and Ruzy Suliza Hashim. (2009). The metaphors of Malaysian social-political bloggers: A shared cognitive schema? *European Journal of Social Sciences* 8(3): 514–523.
- John. Nerone, (2009). To Rescue Journalism From The Media, *Journal Cultural Studies*, Volumen 23, 2009.
- Kumaran, R. (2013). Metaphors for Malaysia's Economic Transformation Programme. *Kajian Malaysia* Vol. 31, No 2, 2013, 19-35. Universiti Sains Malaysia.
- Maksl, A., Ashley, S., & Craft, S. (2015). Measuring news media literacy. *Journal of Media Literacy Education*, 6(3), 29–45. Retrieved from <http://digitalcommons.uri.edu/jmle/vol6/iss3/3/>
- Kress, G. (1990) 'Critical Discourse Analysis', Annual Review of Applied Linguistics
- Kövecses, Z. (2010). *Metaphor*. Oxford: Oxford University Press.
- Kelly, P. F. (2001). Metaphors of meltdown: Political representations of economic space in the Asian financial crisis. *Environment and Planning D: Society and Space* 19(6): 719–742.
- Koteyko, N., B. Brown and P. Crawford. (2008). The dead parrot and the dying swan: The role of metaphor scenarios in UK press coverage of avian flu in the UK in 2005–2006. *Metaphor and Symbol* 23(4): 242–261.
- Lakoff, G. and M. Johnson. (2003). *Metaphors we live by*. Chicago: University of Chicago Press
- Ooi, K. B. 2010. Between UMNO and a hard place. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies. \_\_\_\_\_. 2006. Bangsa Malaysia: Vision or spin? In *Malaysia: Recent trends and challenges*, eds. S-H.
- Luis F. Luna Reyes dan J. Ramon Gil-Garcia (2014). Digital government transformation and internet portals: The co-evolution of technology, organizations, and institutions, Volume 31, Issue 4, October 2014, Pages 545-555.  
<https://doi.org/10.1016/j.giq.2014.08.001>
- Maalej, Z. (2007). Doing critical discourse analysis with the contemporary theory of metaphor: Towards a discourse model of metaphor. In *Cognitive linguistics in critical discourse studies*, eds. C. Hart and D. Lukeš, 132–158. Cambridge: Cambridge Scholars Press.
- Ooi, K. B. (2010). *Between UMNO and a hard place*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- \_\_\_\_\_. 2006. Bangsa Malaysia: Vision or spin? In *Malaysia: Recent trends and challenges*, eds. S-
- Pragglejaz Group. (2007). MIP: A method for identifying metaphorically used words in discourse. *Metaphor and Symbol* 22(1): 1–39.
- Pike, Kenneth L. (1971 : 13), Phonemics: A Technique for reducing Languages to Writing. University of Michigan Press.
- Ritchie, D. (2002). Monastery or economic enterprise: Opposing or complementary metaphors of higher education? *Metaphor and Symbol* 17(1): 45–55

- Reich, Z dan Hanitzsch, T (2013), Determinants of journalists' professional autonomy: Individual and national level factors matter more than organizational ones. *Mass Communication and Society*, 16, 133–156.
- Saw and K. Kesavapany, 47–72. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies
- Semino, E. (2008). *Metaphor in discourse*. Cambridge: Cambridge University
- Skorczynska, H and A. Deignan. 2006. Readership and purpose in the choice of economics metaphors. *Metaphor and Symbol* 21(2): 87–104.
- Tengku Farah, T. M., Afida, M. A., Rafik-Galea, S. and Zalina, M. K. (2012). Getting physical with the market: A study of metaphors in the Business Times. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 20(3): 881–896.
- Vengadasamy, R. (2011). Metaphors as ideological constructs for identity in Malaysian short stories. *3 L: The Southeast Asian Journal of English Studies* 17: 99–107.
- Wimmer, R.D & Dominick, J.R (2005). Mass media research an introduction
- Walgrave, S., Soroka, S., & Nuytemans, M. (2007). The Mass Media's Political Agenda-Setting Power: A Longitudinal Analysis of Media, Parliament, and Government in Belgium (1993 to 2000). *Comparative Political Studies*, 41(6), 814–836.  
<http://doi.org/10.1177/0010414006299098>
- Ward, S. J. a. (2008). Global Journalism Ethics : Widening the Conceptual Base. *Global Media Journal -- Canadian Edition*, 1(1), 137–149.